

17 NOV 2000

Umno-Internet

PERHIMPUNAN AGUNG KHAS SECARA LANGSUNG MENERUSI UMNO-ONLINE

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Perhimpunan Agung Khas Umno esok akan disiarkan secara langsung menerusi laman Umno-Online.

Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapha Mohamed berkata orang ramai yang ingin mengikuti perhimpunan itu dan ucapan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir

Mustapha berkata laman web berbentuk gerbang itu mengandungi maklumat mengenai perlembagaan parti, berita dan rencana eksklusif, hubungan ke rangkaian laman pro-Umno, audio video dan pelbagai kemudahan lain.

Katanya sebelum ini Umno-Online menjalani operasi percubaan selama dua minggu dan telah mendapat sambutan yang baik daripada pelbagai pihak.

Mustapha juga berkata segala maklumat atau berita yang terkandung di laman itu adalah bersandarkan kepada fakta bagi menjawab pelbagai tuduhan atau putar belit pembangkang.

Umno-Online juga menyalurkan berita aktiviti, penerangan, kemudahan terkini kepada semua anggota melalui ruangan yang disediakan.

Perhimpunan Agung Khas Umno itu bertujuan meminda perlembagaan parti antara lain untuk menyelaraskan tempoh pemilihan semua peringkat cawangan, bahagian dan MT diadakan tiga tahun sekali.

-- BERNAMA

FA ZS NAK